

UMS mahu industri akuakultur Sabah setanding negara maju

NGT 7.8.17 8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menginginkan industri akuakultur di negeri ini setanding dengan negara maju melalui peranan, aktiviti dan usaha yang dilakukan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB).

"Kita sedang bekerja keras untuk memastikan industri akuakultur di negeri ini memberi pulangan dan membantu meningkatkan ekonomi negeri dan Malaysia melalui projek penyelidikan akuakultur yang sedang dijalankan," ujar Pengarah IPMB, Prof Dr Rossita Shapawi.

Beliau berkata, projek penyelidikan yang dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Khusus berjumlah RM5 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membabitkan tujuh komponen dan tujuh kumpulan pelajar daripada fakulti berkaitan.

Tujuh komponen itu ialah penyelidikan kerapu hybrid, proses penetapan kualiti benih, pembenihan timun laut, penyelidikan kupang, kemahiran akuakultur bersepadu, keberkesanan akuakultur terhadap kelestarian alam sekitar, serta pandangan dan adaptasi penduduk pesisir pantai mengenai teknologi akuakultur.

"Penyelidikan bidang akuakultur yang bermula pada 2014 itu telah memasuki tahun keempat dan dijangka siap pada penghujung tahun depan," katanya selepas menghadiri Bengkel mengenai Spesies Nilai Tinggi Akuakultur Ekologi di sini, pada Jumaat.

Rossita berkata, pihaknya bertanggungjawab menghasilkan

satu laporan penuh untuk dihantar kepada KPT, selain berkongsi hasil penyelidikan melalui seminar kepada masyarakat.

"Selain menerbitkan jurnal akademik berkaitan akuakultur, kami turut mengadakan perbincangan bersama kerajaan negeri mengenai hasil kajian yang telah dilakukan," katanya.

Katanya, dalam pasang surut industri akuakultur ini dan keghairahan menghasilkan pelbagai jenis ikan, mereka juga mengambil berat tentang impak industri terhadap alam sekitar.

"Kita akan melakukannya secara bertangjawab supaya 50 tahun akan datang kita masih dapat menikmati sumber yang sama dan secara keseluruhannya kita menurut semua disiplin yang perlu.

"Jabatan Perikanan sangat banyak membantu dari segi fasiliti sebab bila kita mengha-

silkan sesuatu di makmal, kita juga perlu cuba melakukannya di persekitaran yang benar untuk mendapatkan keputusan yang tepat," ujar Rossita.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Shahril Yusof berkata UMS menyatakan bahawa bidang tujahan yang akan dikuasai oleh UMS adalah bidang akuakultur kerana kesesuaiannya di Sabah yang terkenal dengan hasil laut marin.

"Tujuannya adalah untuk fokus dalam bidang akuakultur dari segi pembibitan dan makanan anak-anak ikan manakala secara koronsif dari segi kesan kepada masyarakat, industri dan sebagainya," katanya.

Tambahnya, bantuan geran daripada KPT dapat melonjakkan lagi bidang akuakultur dimana UMS adalah yang terkuat dalam bidang ini.

"Selain pengeluaran anak ikan, makanan ikan juga perlu dicipta untuk memantau industri penternakan, jika tidak kita terpaksa import makanan dan ia akan mengekang proses untuk menguasai pasaran," katanya.

Menurut Shahril, UMS juga menubuhkan Rakan Akuakultur yang akan mendekati komuniti setempat untuk memberi latihan tentang bagaimana menjaga pembibitan dan sebagainya.

"Kita tidak mahu lihat kajian yang dibuat berakhir dengan hasil Master atau Phd tetapi sumbangannya kepada masyarakat khususnya di Sabah.

"Ini penting kerana kita ingin lihat akuakultur ini dapat menstabilkan produksi ikan di dalam negeri dan juga untuk eksport," ujarnya.

Jelasnya lagi, UMS akan menghantar 30 orang pelajar ke Kindai Aquaculture Development Centre di Jepun untuk menjalani latihan selama 10




TIMUN LAUT... Rossita (kiri) menunjukkan spesies timun laut kepada pemberita di pusat penternakan UMS.

minggu.

UMS dan Kindai Aquaculture Development Centre mempunyai hubungan yang

baik dan telah menjalankan kerjasama dalam bidang akuakultur sejak 15 tahun yang lalu.



PARA pemberita ketika melawat Pusat Penternakan Kerapu Hybrid.



ALBUM... Shahril (duduk, empat kiri) dan Rossita (duduk, tiga kiri) bergambar kenangan bersama para penyelidik daripada tujuh fakulti.